



KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

Ministry of Agriculture and Food Security

Wisma Tani

No 28, Persiaran Perdana, Presint 4

Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan

62624 PUTRAJAYA,

MALAYSIA

No. Telefon : 03-8000 8000

No. Faks : 03-8888 6020

Laman Web : www.kpkkm.gov.my

SIARAN MEDIA

MAKLUM BALAS MEDIA BERKENAAN PELEKAT HARGA BAHARU RUNCIT PADA KAMPIT BERAS PUTIH IMPORT (BPI)

PUTRAJAYA, 24 SEPTEMBER 2023 – Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) ingin memberi maklum balas berkenaan pelekat harga baharu runcit pada kampil beras putih import (BPI) seperti yang tular di media sosial.

KPKM telah memberikan **kebenaran sementara** penggunaan pelekat untuk perubahan harga baharu pada kampil BPI yang dipamerkan untuk jualan. **Kebenaran sementara ini hanya diberikan sehingga 30 November 2023**. Selepas tamat tempoh tersebut, pemborong hendaklah mengampitkan BPI di dalam kampil beras baharu yang mencatatkan perubahan harga yang terkini untuk dipasarkan ke peringkat peruncit.

Keputusan ini telah dicapai dalam sesi libat urus KPKM bersama pemain industri beras pada 13 September 2023 ekoran pelarasan harga BPI oleh Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) pada 1 September 2023. Perkara ini diputuskan secara bersama dengan mengambil kira tempoh masa dan kos yang diperlukan oleh pihak pemborong beras untuk menggantikan kampil beras lama kepada kampil beras baharu.

Untuk rekod, keputusan ini telah dimaklumkan kepada semua pemegang Lesen Borong Beras dan Lesen Runcit Beras termasuk pihak pasar raya (*hypermart*) melalui surat edaran oleh Ketua Pengarah Kawalselia Padi dan Beras bertarikh 13 September 2023. Surat ini juga telah disalinkan kepada Bahagian Penguat Kuasa, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN).

KPKM juga mengingatkan semua pemegang Lesen Borong Beras dan Lesen Runcit Beras untuk mematuhi Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522) dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN

24 SEPTEMBER 2023